



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

19 FEBRUARI 2022 (SABTU)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHRAH PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

19 FEBRUARI 2022 (SABTU)

Peniaga diingatkan tidak ambil kesempatan naikkan harga makanan

KUANTAN - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi amaran kepada para peniaga di Johor Bahru supaya tidak menaikkan harga makanan ketika musim Pilihan Raya Negeri (PRN) di negeri itu.

Timbalan Menteriya, Datuk Rosol Wahid berkata, pemantauan di serata Johor akan dilakukan bagi memastikan tidak berlaku kenaikan harga yang melampau.

Menurutnya, pengguna diminta membuat aduan sekiranya mengesan kenaikan harga mendadak bagi membolehkan siasatan dan tidak segera diambil.

"Kita akui ada sebahagian peniaga yang mengambil kesempatan setiap kali PRN, jadi pengguna perlu menghantar aduan kepada pihak KPDNHEP, jika terdapat sebarang pencatutan.

"Bila adanya aduan, ia memudahkan pegawai KPDNHEP untuk menyiasat dan mengenakan kompaun sekiranya mendapati harga makanan atau barangan yang dijual kepada pengguna tidak munasabah," katanya.

Beliau berkata demikian selepas berakhirnya Walkabout, kebersediaan

barangan keperluan pengguna di kawasan luar bandar di Pasaraya BS Freshmart Bukit Goh di sini pada Jumaat.

Beberapa hari lalu, terdapat pelbagai dakwaan berhubung kenaikan harga makanan yang mendadak disebabkan berlaku PRN di Johor.

Pengguna mendakwa trend kenaikan harga makanan berlaku setiap kali berdepan dengan musim pilihan raya.

Mengulas lanjut, Rosol menasihatkan peniaga tidak mengambil kesempatan ke atas pengguna untuk memperoleh keuntungan lebih sepanjang berlangsung PRN tersebut.

"Semua rakyat terjejas pendapatan bukan sahaja disebabkan pandemik Covid-19, tetapi juga musibah banjir, jadi semua orang tengah susah. Kita sebagai Keluarga Malaysia patut sesama memahami antara satu sama lain," katanya.

Rosol turut meminta peniaga luar bandar untuk tidak menaikkan harga barangan terutama keperluan harian termasuk ayam dan telur atas alasan kos logistik.

Katanya, beberapa aduan daripada



Rosol (kiri) melihat bekalan telur ketika Walkabout, kebersediaan barangan keperluan pengguna di kawasan luar bandar di Pasaraya BS Freshmart Bukit Goh, Kuantan pada Jumaat.

pengguna diterima berhubung kenaikan harga ayam melampau membabitkan kawasan luar bandar.

"Kita sudah tetapkan harga kawalan bagi ayam adalah RM8.90 sekilogram untuk peruncit namun kita mendapat aduan ada segelintir pihak yang menjualnya sehingga RM11 sekilogram.

"Peniaga tidak boleh memberi alasan jauh daripada bandar dan kos peng-

angkutan lebih tinggi kerana harga kawalan yang ditetapkan selepas dibuat kajian terperinci termasuk kos pengangkutan," katanya.

Untuk rekod, sejumlah 112,879 pemeriksaan telah dilaksanakan KPDNHEP di seluruh negara sejak awal tahun ini dan daripada jumlah itu, sebanyak 21,058 premis atau 19 peratus adalah di kawasan luar bandar.



ROSOL (kanan) ketika melakukan tinjauan harga barang pada Program Walkabout di Kuantan semalam.

Tiada alasan naikkan harga barang

KUANTAN – Faktor kos logistik tidak boleh dijadikan alasan bagi peniaga luar bandar untuk menaikkan harga barang terutama barangan keperluan harian seperti ayam dan telur ayam.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, pihaknya menerima beberapa aduan mengenai kenaikan harga ayam di kawasan luar bandar.


“Kita menetapkan harga kawalan ayam RM8.90 sekilogram, namun ada peniaga yang menjual sehingga RM11 sekilogram.

“Peniaga tidak boleh memberi alasan jauh dan kos pengangkutan tinggi kerana harga kawalan ditetapkan selepas dibuat kajian terperinci termasuk kos pengangkutan,” katanya selepas Program Walkabout di sini semalam.

Menurut Rosol, walaupun

KPDNHEP berdepan dengan kekurangan kakitangan, namun pihaknya akan melaksanakan penguatkuasaan dengan lebih kerap selain menggerakkan pegawai di semua lokasi.

“Orang ramai boleh buat aduan sekiranya ada peniaga yang melakukan pencatutan harga. Kita juga tidak bergantung dengan aduan, sebaliknya melakukan pemeriksaan di lapangan secara berkala,” ujarnya.



Senarai Harga Barang Keperluan

• Ayam	RM7.99	• Telur Gred A	RM12.45	• Gula Pasir	RM2.85	• Cili Merah	RM9.90
• Daging Lembu Tempatan	RM42.99	• Ikan Kembung	RM13.90	• Bawang Besar Holland	RM2.39	• Kubis Tempatan	RM2.79
• Daging Lembu Import	RM28	• Minyak Masak	RM6.35	• Bawang Putih	RM5.50	• Tepung Gandung	RM2.20

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

KPDNHEP rampas komputer guna perisian cetak rompak

Georgetown: Tindakan tiga syarikat menggunakan perisian cetak rompak mengundang padah apabila lima komputer dan tiga komputer riba bernilai RM26,000 dirampas menerusi tiga serbuan berasingan, di sini.

Serbuan ke atas tiga syarikat itu dilakukan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang Cawangan Timur Laut antara 15 hingga 17 Februari lalu.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Daerah Timur Laut, Ahmad Ahrazzuddin Ahmad Hamdan berkata, pemeriksaan dilakukan susulan aduan sebuah syarikat mengenai penggunaan perisian komputer yang dipercayai salinan langgaran.

Bertindak atas maklumat, katanya, serbuan pertama dilakukan terhadap syarikat kejuruteraan di Georgetown dan merampas tiga komputer dipercayai menggunakan salinan langgaran Windows 10 Pro, Office Home and Business 2016, Solidware Premium 2020, Illustrator 2019 dan AutoCAD 2019.

"Serbuan kedua pula membabitkan syarikat hiasan dalaman di Bayan Lepas dan merampas dua komputer serta satu komputer riba mengandungi perisian Windows 7 Profesional, AutoCAD 2017, 3ds Max Design 2015, Recap 360 Pro, Photoshop CC, Illustrator CS6 dan Sketchup Pro 2016 dipercayai salinan langgaran.

"Satu lagi serbuan dilakukan ke atas syarikat membuat komponen elektronik di Batu Maung yang menemukan dua komputer riba mengandungi salinan langgaran iaitu Windows 10 Home, Office Standard 2016, AutoCAD 2017, SolidWorks Premium 2017, AutoCAD 2011 for Mac, Excel for Mac, Word for Mac dan Powerpoint for Mac," katanya menerusi kenyataan di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Ahmad Ahrazzuddin berkata, semua barangan yang dirampas dianggarkan bernilai RM26,000 dan penggunaan salinan langgaran menjadi kesalahan kerana ia membabitkan perlindungan harta intelek serta dilindungi.

Kes disiasat mengikut Akta Hak Cipta 1987 dan jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Georgetown: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) merampas lima komputer dan tiga komputer riba bernilai RM26,000 kerana menggunakan perisian cetak rompak dalam tiga serbuan yang dijalankan selama tiga hari.

Ketua Pegawai Penguatkuasa Daerah KPDNHEP Timur Laut, Ahmad Ahrazuddin Ahmad Hamdan berkata, pihaknya menjalankan serbuan itu pada Selasa, Rabu dan juga semalam bersama-sama pihak pengadu daripada *Business Software Alliance* terhadap penggunaan perisian komputer yang dipercayai menggunakan perisian cetak rompak.

"Dalam serbuan pertama di sebuah syarikat kejuruteraan di Georgetown, kami

Rampas komputer guna perisian ciplak

merampas tiga komputer yang digunakan syarikat itu mengandungi salinan langgaran (perisian cetak rompak) iaitu *Windows 10 Pro*, *Office Home and Business 2016*, *Solidware Premium 2020*, *Illustrator 2019* dan *AutoCAD 2019*.

"Serbuan kedua di sebuah syarikat perhiasan dalaman di Bayan Lepas, kami menemukan dua komputer dan sebuah komputer riba mengandungi perisian *Windows 7 Profesional*, *AutoCAD 2017*, *3ds Max Design 2015*, *Recap 360 Pro*, *Photoshop CC*, *Illustrator CS6* dan *Ske-*




AHMAD Ahrazuddin (tengah) bersama barangan rampasan dalam tiga serbuan berasingan.

“Semua salinan langgaran diguna tidak mendapat kebenaran pemilik hak cipta sebenar”
Ahmad Ahrazuddin

tchup Pro 2016 yang dipercayai salinan langgaran,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Ahmad Ahrazuddin berkata, serbuan ketiga dijalankan di sebuah syarikat yang membuat komponen elektronik di Georgetown dan merampas dua komputer riba mengandungi salinan langgaran iaitu *Windows 10 Home*, *Office Standard 2016*, *AutoCAD 2017*, *SolidWorks Premium 2017*, *AutoCAD 2011 for Mac*, *Excel for Mac*, *Word for Mac* dan *Powerpoint for Mac*.

Bellau berkata, siasatan mendapati semua salinan langgaran digunakan syarikat-syarikat itu tidak mendapat kebenaran pemilik hak cipta yang sebenar dan kes disiasat menurut Akta Hak Cipta 1987.



Mohd Hairul (right) inspecting the price of chicken during a Malaysian Family Sales Programme event in Flat Tasek 64, Bandar Seri Alam in Johor Baru.

Discounts-for-needy initiative pays off

RM1.8mil in sales encourages ministry to take programme to rural communities in Johor

By **REMAR NORDIN**
 metro@thestar.com.my

DOMESTIC Trade and Consumer Affairs Ministry will expand its Malaysian Family Sales Programme to rural areas next month.

Its Johor director Mohd Hairul Anuar Bohro said the programme had managed to gain RM1.8mil worth of sales since it started in December last year, with more than 500,000 visitors.

"The focus is to help B40 families in Johor by offering them daily necessities at prices up to 20% cheaper than the market price.

"So far, feedback from the locals has been positive and to date, we have conducted 95 events under this programme with total sales amounting to RM1.8mil," he said.

The programme is held twice a month at 26 parliamentary constituencies in Johor.

Mohd Hairul was speaking with reporters while attending the programme at Flat Tasek 64, Bandar Seri Alam in Johor Baru.

He said the ministry looked forward to continuing collaboration with government agencies and supermarkets to ensure the programme would continue to offer goods such as chicken, fish, frozen seafood, cooking oil, vegetables, rice and eggs at lower prices.

"Aside from people's housing projects, we have also held this programme in the vicinity of supermarkets that are frequented by B40 families.

"It is the government's objective to ease the burden of needy families by helping them to get their daily necessities," he added.

Mohd Hairul said the department had worked with the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama), Fisheries Development Authority (LKIM), Econsave hypermarkets, Lotus's Malaysia, Hwa Thai Supermart and other SMEs to see the initiative through.

He also urged consumers to use the ministry's Price Catcher app to get the best deals and offers from supermarkets near them before making any purchase.

"At least 480 types of products are available on the app, which is updated daily with the latest promotions and locations of participating supermarkets.

"There are more than 1,500 premises to choose from," he added.

The programme is held every first and third weekend of the month, from 8am to 1pm.